

Askar Wataniah mampu pupuk semangat cinta negara

54 (Timur) Flamingo 2/7/09 MS 32

KUANTAN: Penuntut insititusi pengajian tinggi (IPT) perlu menyertai pasukan beruniform terutama Askar Wataniah untuk memupuk semangat cintakan negara, kata Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah, Leftenan Kolonel Datuk Seri Tengku Kamarulzaman Sultan Abu Bakar.

Beliau berkata, walaupun jumlah penuntut menyertai pasukan Askar Wataniah sentiasa bertambah setiap tahun, namun jumlah itu masih pada tahap sederhana.

"Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah sentiasa mengalu-alukan penyertaan penuntut IPT dalam usaha memantapkan lagi pasukan," katanya pada Majlis Tamat Kursus Perajurit Muda Siri 3/2009 Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah

di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) Semambu, di sini, kelmarin. Seramai 120 penuntut Polisas, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Kolej Shahputra termasuk 20 orang awam menyertai kursus se-

bulan yang dianjurkan batalion itu dengan kerjasama Polisas.

Kamarulzaman berkata, banyak kemudahan yang diterima oleh Askar Wataniah antaranya seperti eluan latihan, pakaian, cuti tanpa

rekod dan kemudahan pengangkutan.

Katanya, pengurusan pusat pengajian tinggi juga perlu memainkan peranan dengan menasihatkan penuntut mereka supaya menyertai Askar Wataniah.

“Penuntut yang terbabit secara langsung dalam aktiviti pasukan beruniform dapat mengelak daripada terbabit dalam gejala sosial”

Tengku Kamarulzaman Sultan Abu Bakar

Pegawai Memerintah
Batalion Pertama Rejimen
505 Askar Wataniah



MONDRI MAMAT | BERITA HARIAN

TENGKU KAMARULZAMAN berkata sesuatu kepada anggota yang menyertai Kursus Asas Perajurit Muda Siri 3/2009 Askar Wataniah di Felda Lepar Hilir 3, Kuantan.